From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 26 June, 2022 11:00:08 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ONCE DEDAH REALITI KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN ACARA KEPADA PELAJAR

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JUNE 2022 / 26 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

ONCE DEDAH REALITI KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN ACARA KEPADA PELAJAR



UUM ONLINE: Program *On-Campus Community Engagement* (OnCE) yang dilaksanakan Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia (UUM) bukanlah sesuatu yang asing kepada pelajar khasnya sebelum Covid-19 melanda negara.

Program Mega Drive 2022 yang disertai hampir 2,000 pelajar termasuk mereka yang sedang mengambil kursus kokurikulum keusahawanan dan pengurusan acara telah diberi pendedahan awal bagi memupuk

minat untuk menceburi bidang keusahawanan selain mempelajari teknik dan selok-belok sebenar bagi menguruskan sesuatu acara berskala besar.

Seiring dengan penekanan dalam ucapan perasmian program oleh Penolong Naib Canselor UUM College of Law, Government, and International Studies (UUM COLGIS), Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan yang mewakili Naib Canselor UUM, program ini dilihat berpotensi untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan UUM terutamanya apabila negara sedang mengalami perubahan ke fasa endemik yang menyaksikan peningkatan kes pengangguran di Malaysia mahupun di peringkat global.

Menerusi perkongsian daripada Cikgu Yaser selaku tenaga pengajar dari MYNIC, pelajar kokurikulum keusahawanan telah didedahkan peri pentingnya penggunaan domain *.my* yang bertujuan untuk penjenamaan individu dan juga produk. Di samping itu, pihak MYNIC juga menawarkan pendaftaran domain *.my* secara percuma bagi tempoh setahun.

Perkongsian seterusnya adalah daripada Pengurus Seksyen Operasi, SSM Kedah, Anuar Khalin yang menjelaskan tentang tatacara pendaftaran perniagaan dengan mengaktifkan ID pelajar menerusi portal EzBiz SSM.

Bagi pelajar kokurikulum pengurusan acara pula, OnCE menyingkap realiti yang wujud dalam pengurusan acara yang bukan sahaja menuntut masa dan pelbagai bentuk sumber tenaga, malahan dapat menyaksikan bagaimana perkara-perkara luar jangkaan muncul silih berganti yang kadangkala menguji kesabaran dan profesionalisme seseorang.

Program ini mendefinisikan bagaimana kejayaan pengurusan sesuatu acara adalah berteraskan hasil toleransi dan komunikasi efektif, serta hubungan kerjasama yang baik antara pihak-pihak yang terlibat yang sentiasa berusaha untuk memastikan kelancaran program sehingga tamat.

Program OnCE ini turut diserikan dengan persembahan nyanyian daripada Pengarah Pusat Kokurikulum, Dr. Mohamad Zaki Ahmad dengan iringan muzik yang dimainkan oleh staf Pusat Kokurikulum.

Program yang bertemakan “Membangunkan Generasi Berminda Jutawan dan Sifar Pengangguran” dan diadakan di Dewan Mu’adzam Shah ini terhasil daripada koordinasi Pusat Kokurikulum, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan Uniutama Education and Consultancy Sdn. Bhd. ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah Negeri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Cawangan Kedah, Ismanani Khazali, Encik Pengurus DET MYNIC, Kariolnizam Zan dan Pengarah Eksekutif CEDI, Prof. Madya Dr. Jauriyah Shamsuddin.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.